

08 NOV 1999

Abdullah-Pemimpin

KERAJAAN HARGAI USAHA BANGKITKAN SEMANGAT SAYANGKAN PEMIMPIN

PETALING JAYA, 8 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan menghargai usaha oleh pelbagai pihak bagi membangkitkan semangat sayangkan pemimpin di kalangan rakyat negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata langkah itu kena pada masanya ekoran terdapat perbuatan sesetengah pihak yang berusaha meniupkan semangat bencikan pemimpin di kalangan rakyat terutama menjelang pilihan raya yang akan datang.

"Rakyat harus menghargai jasa bakti yang dicurahkan oleh pemimpin negara terdahulu serta sekarang dalam menentukan negara ini sentiasa stabil daripada segi politik dan ekonomi serta rakyat pelbagai kaum pula hidup dalam keadaan harmoni tanpa sebarang prejudis antara satu sama lain," katanya ketika melancarkan album khas untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertajuk "Balada Seorang Pejuang" di sini malam ini.

Album itu yang diterbitkan oleh Persatuan Penyiar Kebangsaan Malaysia memuatkan 10 lagu patriotik pelbagai rentak yang didedikasikan untuk pemimpin ulung negara sebagai penghargaan di atas jasa, pengorbanan, kepimpinan dan wawasan memartabatkan Malaysia ke persada antarabangsa.

Abdullah berkata keempat-empat Perdana Menteri Malaysia iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn serta Dr Mahathir merupakan pemimpin ulung yang telah banyak menaburkan jasa dan seharusnya rakyat menghargai jasa mereka.

Beliau berkata Dr Mahathir telah banyak menaikkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa dan beliau dikagumi oleh masyarakat dunia sebagai pemimpin yang berjaya menjadikan Malaysia kini berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara maju walaupun Malaysia masih negara membangun.

Abdullah menolak tohmahan serta dakwah sesetengah pihak terutama parti pembangkang kononnya Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang gilakan kuasa.

Beliau menyorot kembali peristiwa ketika pindaan Perlembagaan Persekutuan apabila Dr Mahathir menolak draf pindaan asal yang dicadangkan oleh Pejabat Peguam Negara yang memberikan beliau (Dr Mahathir) kuasa yang lebih luas.

Katanya Dr Mahathir menolak draf itu dan mahukan supaya ianya dipinda sekali lagi kepada yang lebih sesuai dan ini jelas menunjukkan bahawa Perdana Menteri tidak gila kuasa sepertimana yang digembar-gemburkan oleh pihak lawan.

Abdullah mengulangi bahawa Dr Mahathir tidak pernah mengamalkan sikap diktator dalam membuat sesuatu keputusan.

Beliau berkata segala yang diputuskan dalam mesyuarat Kabinet dibuat secara konsensus dan dipersetujui oleh semua pihak, dan menambah kata bahawa ada kalanya kertas cadangan yang diusulkan oleh Dr Mahathir sendiri ditolak oleh mesyuarat kabinet.

Abdullah berkata beliau tidak gentar sekiranya ada pihak yang akan mendakwa akan mengedarkan kepada umum mengenai perjalanan mesyuarat kabinet yang kononnya dirakamkan secara rahsia kerana sepanjang beliau berada dalam kabinet segala agenda mesyuarat adalah mengikut peraturan dan tiada apa yang perlu digentarkan.

Beliau berkata Dr Mahathir terus menjadi Perdana Menteri kerana beliau rasa perkhidmatannya masih diperlukan oleh negara terutama dalam usaha memulihkan ekonomi negara yang kini mula berada di landasan sebenar.

Justeru itu, rakyat hendaklah menghargai jasa serta pengorbanan para pemimpin negara sehingga membolehkan rakyat hidup dengan aman dan bahagia dengan memupuk perasaan sayangkan pemimpin, katanya.

-- BERNAMA

AKT FAZ